

April 1995

PLG 431 - Pentadbiran Am Sekolah

Masa : [2 jam]

Pilih dan jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Semua sekolah diamanahkan untuk menjaga keselamatan murid-murid semasa mereka belajar di sekolah. Bincangkan aspek-aspek keselamatan yang sekolah perlu memberi perhatian.
(100 markah)

2. Huraikan tindakan-tindakan yang patut diberi perhatian dalam pentadbiran sekolah untuk mencapai objektif "Kehidupan yang sihat di sekolah".
(100 markah)

3. Keadaan pejabat sekolah biasanya ada kaitan dengan kecekapan seorang pengetua. Terangkan aspek-aspek yang pengetua sekolah patut memberi perhatian dalam pengurusan pejabat sekolahnya.
(100 markah)

4. "Satu daripada kerja penting pengetua ialah kerja menyelia". Huraikan tugas penyeliaan yang patut dijalankan oleh pengetua di sekolah.
(100 markah)

5. Terangkan syarat dan prosedur untuk merotan seorang murid. Bincangkan kebaikan dan keburukan hukuman dera sebagai tindakan untuk mengatasi masalah disiplin di sekolah.
(100 markah)

6. Struktur pentadbiran pelajaran di negara ini boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu peringkat pusat, peringkat negeri, peringkat daerah dan peringkat sekolah. Huraikan struktur dan pentadbiran pelajaran di peringkat pusat (Kementerian Pendidikan).
(100 markah)

